

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAN SRI ABDUL KADIR

SEJARAH TINGKATAN 2


BAB 3 - NEGERI-NEGERI MELAYU UTARA DAN JOHOR BENTENG
KESELAMATAN BRITISH

1. Rajah di bawah menunjukkan kemaraan kuasa-kuasa barat di Asia Tenggara.

Kuasa Barat	Wilayah Sasaran
Perancis	Segenting Kra
Jerman	Pulau Langkawi
Amerika Syarikat	Terengganu

Apakah reaksi British terhadap kemaraan kuasa-kuasa barat tersebut?


- A menakluki wilayah tersebut
 - B menguatkan kubu pertahanannya
 - C menandatangani perjanjian dengan kuasa-kuasa barat
 - D meluaskan pengaruh ke Negeri-negeri Utara Tanah Melayu
2. Maklumat di bawah menunjukkan perjanjian yang ditandatangani antara British dan Siam.



Apakah matlamat X?

- A Menjalin hubungan perdagangan
- B Menguasai Negeri-negeri Melayu Utara
- C Membuka petempatan di Siam
- D Melantik pegawai British di Siam

3. Maklumat di bawah merujuk kepada Perjanjian Bangkok 1909



Apakah hak yang diperoleh oleh warga British dalam perjanjian tersebut?

- A Diadili mengikut perundangan antarabangsa
- B Diadili mengikut perundangan Tanah Melayu
- C Diadili mengikut perundangan British
- D Diadili mengikut perundangan Siam

4. George Maxwell mengambil langkah mengukuhkan kuasa dengan menerapkan sistem pentadbiran Barat dalam pentadbiran Kedah.
Bagaimanakah Tunku Mahmud berusaha mengekalkan identiti negeri Kedah?
- A Melalui tindakan mahkamah
 - B Melalui rundingan dengan British
 - C Melalui pemberontakan
 - D Melalui penulisan di akhbar tempatan
5. Sultan Zainal Abidin III tidak mengiktiraf Perjanjian Bangkok dan telah menolak pelantikan Penasihat British di Terengganu.
Apakah tindakan baginda bagi menjamin kedaulatan Terengganu ?
- A Menjalin hubungan diplomatik
 - B Menggubal perlembagaan
 - C Melancarkan tunjuk perasaan
 - D Turun takhta kerajaan Terengganu
6. Penasihat British berusaha menguasai pentadbiran Kedah, Perlis , Kelantan dan Terengganu.
Apakah tindakan yang dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut?
- I Menubuhkan jabatan baru
 - II Menurunkan takhta sultan
 - III Menetapkan kuasa pembesar
 - IV Menggubal undang-undang barat
- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
7. Johor merupakan negeri Melayu terakhir menerima Penasihat British.
Apakah factor utama yang melambatkan campurtangan British di Johor?
- I Kedudukan Johor strategik
 - II Hubungan diplomatik dengan kuasa barat
 - III Kebijaksanaan pemerintah
 - IV Pengenalan sistem birokrasi moden
- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
8.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895

- Apakah keistimewaan perlembagaan di atas?
- A Memodenkan pentadbiran
 - B Memajukan ekonomi negeri
 - C Menyeragamkan pentadbiran
 - D Mengekalkan kedaulatan negeri

9. British bimbang Johor akan dikuasai oleh kuasa barat lain.
Apakah strategi British untuk menguasai Johor?

- I Menyingkirkan Dato' Abdul Rahman Andak
- II Mengawal kewangan Johor
- III Menyekat hubungan luar Johor
- IV Menutup pelabuhan Singapura

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

10. Maklumat berikut berkait dengan Sistem Kangcu di Johor

Sistem Kangcu diperkenalkan oleh Temenggung Ibrahim pada tahun 1833.
Baginda telah mengurniakan Surat Sungai kepada Kangcu

Penerimaan Surat Sungai membolehkan Kangcu

- I mengusahakan tanaman tebu dan nanas
- II mengutip cukai
- III mentadbir Kangkar
- IV menubuhkan kongsi gelap

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

JAWAPAN

- 1. D
- 2. B
- 3. C
- 4. A
- 5. B
- 6. B
- 7. D
- 8. D
- 9. A
- 10. C